

## **RISALAH MAKLUMAT PESAKIT [PIOGLITAZONE]**

### **Apakah kegunaan ubat ini?**

Ubat ini digunakan untuk mengawal kencing manis dan membantu menurunkan paras gula darah anda dengan menjadikan badan anda lebih sensitif dan responsif terhadap kesan insulin. Insulin membantu mengawal paras gula darah dalam badan anda. Ia berfungsi bersama perubahan gaya hidup seperti mengamalkan diet yang sihat dan senaman yang kerap, untuk mengurangkan paras gula dalam darah.

### **Bagaimanakah saya harus mengambil/menggunakan ubat ini?**

Ubat ini diambil sehari sekali. Anda boleh mengambil ubat ini sebelum atau selepas makan.

### **Apakah perlu saya lakukan jika saya terlupa mengambil/menggunakan ubat ini?**

Jika anda terlepas satu dos, ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya sudah hampir masa untuk mengambil dos anda selanjutnya, ambil dos yang biasa sahaja.

Jangan gandakan dos anda atau ambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang terlepas.

### **Apakah langkah berjaga-jaga yang perlu saya ambil?**

Beritahu profesional penjagaan kesihatan anda jika anda:

- Alah kepada ubat ini atau sebarang bahan lain ubat ini
- Sedang hamil, merancang untuk hamil, atau menyusukan
- Mengalami kegagalan jantung (keadaan di mana jantung anda tidak mengepam dengan baik seperti biasa)
- Mengalami pengumpulan cecair dalam badan anda
- Mempunyai jenis penyakit mata tertentu yang dikaitkan dengan kencing manis, dipanggil edema makula (keadaan di mana terdapat bengkak disebabkan pengumpulan cecair di bahagian mata yang dikenali sebagai makula)
- Mempunyai masalah hati
- Mempunyai sejarah kanser pundi kencing
- Mempunyai sejarah patah tulang

### **Apakah beberapa kesan sampingan yang lazim bagi ubat ini?**

Seperti semua ubat, ubat ini boleh menyebabkan beberapa kesan sampingan. Namun tidak semua orang akan mengalaminya. Dapatkan nasihat profesional penjagaan kesihatan anda jika sebarang kesan sampingan tersebut menjadi teruk atau menyusahkan.

Kesan sampingan Pioglitazone yang lazim termasuk:

- Bengkak kaki
- Sakit kepala

- Keradangan sinus dan jangkitan saluran pernafasan
- Sakit tekak
- Tambahan berat badan
  - Bersenam dengan kerap untuk mengelakkan penambahan berat badan yang dikaitkan dengan ubat ini

**Apakah beberapa kesan sampingan yang serius tetapi jarang berlaku yang memerlukan saya mendapatkan nasihat perubatan dengan segera?**

Gejala alahan dadah termasuk satu atau lebih daripada yang berikut:

- Muka/mata/bibir/lidah Bengkak
- Kesukaran bernafas
- Ruam kulit gatal di seluruh badan anda

Jika anda mengalami mana-mana gejala ini, anda harus berhenti mengambil ubat anda dan berjumpa dengan profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera.

Jika kesan sampingan yang serius berikut berlaku, anda harus dapatkan bantuan daripada profesional penjagaan kesihatan anda dengan segera:

- Kanser pundi kencing. Gejala kanser pundi kencing termasuk:
  - Darah dalam air kencing anda
  - Sakit semasa membuang air kecil
  - Kawalan kencing yang lemah
  - Rasa seperti anda perlu membuang air kecil dengan lebih kerap
- Kegagalan jantung atau anda merasakan gejala-gejala anda semakin teruk. Gejala kegagalan jantung yang semakin teruk termasuk:
  - Sesak nafas
  - Berat badan anda naik secara mendadak dan cepat
  - Bengkak kaki yang berlebihan
- Masalah hati: Air kencing berwarna gelap, najis berwarna cerah, mata atau kulit anda menjadi kuning, kehilangan selera yang teruk, sakit perut, rasa loya atau muntah-muntah yang tidak hilang
- Edema makula mata (keadaan di mana terdapat bengkak disebabkan pengumpulan cecair di bahagian mata yang dikenali sebagai makula). Gejala edema makula termasuk:
  - Penglihatan kabur
  - Perubahan dalam penglihatan

**Apakah makanan atau ubat yang harus dielakkan apabila saya mengambil/menggunakan ubat ini?**

Elakkan minum minuman keras dengan ubat ini kerana ini boleh meningkatkan risiko anda mendapat gula darah yang terlalu rendah.

### **Bagaimakah harus saya simpan ubat ini?**

Simpan di tempat yang terlindung dan kering, jauh daripada sinaran langsung matahari. Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak.

### **Bagaimakah harus saya buang ubat ini dengan selamat?**

Bungkuskan ubat ini dalam beg sampah hitam dan ikat ketat sebelum membuangnya ke dalam tong sampah.

### **Penafian**

*Sila ambil perhatian bahawa maklumat yang diberikan di atas bukan senarai lengkap semua kemungkinan kesan sampingan. Jika anda mempunyai kebimbangan mengenai ubat atau anda mengalami kesan sampingan lain yang anda fikir disebabkan oleh ubat ini, sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.*

*Jika anda mengambil lebih daripada dos yang disyorkan, sila dapatkan nasihat perubatan dengan segera. Maklumat yang diberikan di halaman ini tidak menggantikan maklumat daripada profesional penjagaan kesihatan anda. Sila rujuk kepada profesional penjagaan kesihatan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.*

*Rencana ini dihasilkan secara bersama oleh para anggota kumpulan kerja Maklumat Ubat Kebangsaan (NMI), dan disokong oleh Kementerian Kesihatan. Kumpulan kerja ini terdiri daripada rakan kongsi kelompok (National Healthcare Group, Sistem Kesihatan Universiti Nasional dan SingHealth), farmasi masyarakat (Guardian, Unity dan Watsons) dan Persatuan Farmaseutikal Singapura. Kandungannya tidak menggambarkan ketersediaan ubat dan maklumat bekalan di farmasi dan institusi penjagaan kesihatan. Anda dinasihatkan untuk bertanya kepada institusi-institusi berkenaan untuk mendapatkan maklumat tersebut.*